

02/10/2001

Malaysia manfaatkan Persidangan Keluarga Antarabangsa

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia akan menjadikan Persidangan Keluarga Antarabangsa 2001 (IFC) yang akan berlangsung mulai 25 hingga 28 Oktober ini sebagai tempat menimba pengalaman bagi melaksanakan program dan dasar kekeluargaan.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata persidangan empat hari itu dijangka dapat membantu kerajaan mencari panduan untuk menggubal dasar kekeluargaan mengikut acuan sendiri berdasarkan pengalaman negara lain.

Beliau berkata, IFC juga dijangka dapat mewujudkan asas bagi merangka dan melaksana dasar dan program keluarga yang lebih berkesan.

Katanya, pengalaman negara lain dalam melaksanakan dasar dan program kekeluargaan akan dijadikan panduan supaya pelaksanaannya di negara ini menjadi lebih berkesan sesuai dengan masyarakat di negara ini.

"Persidangan yang menghimpunkan 700 peserta dan 60 penceramah dari seluruh dunia itu akan berbincang mengenai isu kekeluargaan, termasuk kualiti hidup yang lebih baik, kesihatan, gender, isu remaja, komunikasi dan hubungan keluarga," katanya pada sidang akhbar di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN), di sini hari ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datin Faizah Tahir; Pengerusi LPPKN, Datuk Seri Zaleha Ismail dan Ketua Pengarah LPPKN, Fatimah Saad.

Persidangan empat hari anjuran LPPKN itu dijangka menghimpunkan peserta dari dalam dan luar negara seperti kumpulan sukarelawan, pendidik, wakil keluarga, jabatan dan agensi kerajaan serta pemimpin agama.

Antara penceramah yang akan menyampaikan ceramah mereka Setiausaha Kementerian Pendidikan Sri Lanka, Dr Tara de Mel; Profesor Gavin Jones dari Universiti Kebangsaan Australia; Setiausaha Pusat perkhidmatan Kesihatan dan Kemanusiaan Oklahoma City, Amerika Syarikat, Jerry Regier.

Shahrizat berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucaptamanya pada majlis perasmian persidangan itu.

"Persidangan yang pertama kali diadakan ini bertemakan "Mengutamakan Keluarga: Membawa Pulang Kasih Sayang" juga akan memberi ruang kepada belia untuk berbincang melalui program meja bulat.

"Perbincangan meja bulat itu memberi peluang kepada belia untuk berinteraksi dengan rakan sebaya mengenai institusi keluarga dan pemasalahan remaja," katanya.

Sementara itu, orang ramai yang ingin menghadiri persidangan itu boleh menghubungi sekretariat di talian 03-79547030 atau faksimili 03-79546849 sebelum persidangan bermula.

Setiap peserta dikenakan bayaran RM650, tetapi mereka yang kurang berkemampuan boleh mendapatkan biasiswa daripada pihak penganjur.

(END)